

"Di manakah benda itu?" bisik Ravi.

"Saya berasa sungguh takut. Bolehkah kita pulang sekarang? Ia sangat gelap di sini," rayu Huiling dalam ketakutan.



Di manakah Ravi dan Huiling? Apakah perkara yang menakutkan Huiling? Apakah yang akan berlaku kepada Ravi dan Huiling? Adakah mereka akan tercedera? Mari sertai Ravi, Huiling dan Faizal meneroka Taman Botani Singapura dan dapatkan butiran lebih lanjut tentang penemuan mereka dengan Billy, seekor burung enggang yang menakjubkan.

#### Contact Information

Address : 5 Jurong West Street 91, Singapore 649036

Telephone : (65) 67913679

Fax : (65) 67921493

Email : [xingnan\\_ps@moe.edu.sg](mailto:xingnan_ps@moe.edu.sg)

Website : [www.xingnanpri.moe.edu.sg](http://www.xingnanpri.moe.edu.sg)



XINGNAN PRIMARY SCHOOL

# PENEMUAN YANG MENAKJUBKAN



Authors: Avril Tan, Ding Shiqi, Kee Pei Cen and Alecia Lee Jin Ern  
Illustrated by Arthoven Kum Jin An & Tricia Chan

# PENEMUAN YANG MENAKJUBKAN



By students of Xingnan Primary School

## Acknowledgements

The authors would like to thank the following:

- Ang Kah Eng, Kelvin, Director, Conservation Management, Urban Redevelopment Authority who initiated this project.
- Natalie Cheong, Senior Manager, and Steffi Loe, Manager, Education, Singapore Botanic Gardens and Meranda Tang, Architect, Urban Redevelopment Authority who provided the inspirations as well as verified the factual accuracy about Singapore Botanic Gardens and its architectural features.
- Stella Clare Wee, Executive Manager, Conservation Management, Urban Redevelopment Authority who assisted in the co-ordination of the project.
- John Koh and Shelley Low for creating the character, Billie, the Hornbill.
- All who have contributed to the publication of this book in one way or another.

Masa untuk membuat keputusan. Tiga orang sahabat, Faizal, Ravi dan Huiling perlu memutuskan tempat untuk membuat tugas Projek Antara Disiplin.

"Bagaimana kalau kita ke Taman Botani Singapura?" tanya Faizal.

"Mengapakah awak mencadangkan Taman Botani Singapura?" tanya Ravi.

"Saya tidak pernah ke sana. Adakah ia terkenal?" tanya Huiling.

"Sudah tentu! Sebagai Tapak Warisan UNESCO yang pertama di Singapura, ia bukan sahaja menarik perhatian pelancong, tetapi juga warganegara Singapura. Tahukah kamu semua bahawa taman ini merupakan tempat bersejarah Singapura yang terpelihara dengan baik dengan ukuran sebesar 153 padang bola sepak? Awak pasti akan terpersona dengan kecantikan 10 000 spesis tanaman di sana!" jawab Faizal dengan gairah.

"Wah, sungguh menarik! Ayuh kita lakukan penerokaan sekarang!" teriak Ravi.



Setibanya di Taman Botani Singapura, mereka membuat keputusan untuk berkelah di laman berumput berdekatan dengan Pentas Simfoni Lembaga Shaw sebelum mulakan penerokaan mereka. Mereka makan sandwic, buah-buahan, keropok kentang dan minum jus oren.



"Saya berasa sangat kenyang sekarang," kata Huiling sambil meregangkan kedua-dua belah tangan-nya.

Ravi dan Faizal terus berbaring di atas tikar dengan selesa sambil menutup mata mereka. Tiba-tiba, Huiling memecahkan kesunyian suasana.

"Bangun! Bangun! Lihat bangunan yang ada di atas bukit itu!" teriak Huiling dengan ghairah.

Ravi dan Faizal menggosok mata mereka sambil munguap dengan kuat.

“Bangunan apa?” Faizal menggumam.

“Bangunan kolonial yang berwarna hitam dan putih itu sungguh cantik! Bagaimana kalau kita teroka bangunan itu?” tanya Huiling.

“Aha ! Bangunan itu bernama Dewan Burkill,” kata Ravi , jarinya menunduk ke papan tanda yang menunjukkan arah banglo itu .

“Kajian saya menyatakan bahawa Dewan Burkill adalah rumah gaya pertanian Anglo-Malaya yang berfungsi tanpa elektrik. Terdapat beranda di kedua-dua hujung tingkat dua untuk mewujudkan kesan terowong angin untuk penghuni-penghuninya. Dewan Burkill juga merupakan tempat tinggal Penguasa pertama Taman Botani ini, Lawrence Niven. ia dibina oleh para pembina Cina dengan harga \$4,000.”

Dalam perjalanan ke sana, keindahan pelbagai flora dan fauna sepanjang laluan di situ amat memukau mereka.

Tiba-tiba, Huiling berhenti berjalan lantas memekik, “Ee... ! Apakah itu? Ia kelihatan menakutkan!”



"Jangan takut. Ia hanya seekor biawak yang tidak berbahaya. Ia tidak akan menyerang kecuali kamu mengusiknya!" kata Ravi menenangkan Huiling.

Huiling berjalan dengan berhati-hati melewati biawak itu dan memastikan biawak itu berada jauh daripada dirinya.

"Lihat! Ravi dan Faizal!" teriak Huiling dengan gairah.



Kedua-dua budak lelaki itu memandang ke arah Huiling.

"Apa lagi yang telah berlaku?" tanya Faizal.

"Lihat orkid yang cantik itu," jawab Huiling.

"Itu bunga nasional kita 'Vanda Miss Joaquim,'" jelas Ravi.

"Ia merupakan bunga kacukan pertama yang dicatatkan dari Singapura. Cik Agnes Joaquim telah diiktiraf sebagai penciptanya pada awal tahun 1890an," sambung Ravi.

Mereka mengambil gambar orkid yang cantik itu dan menyambung perjalanan mereka ke Dewan Burkill.



Apabila akhirnya mereka tiba di Dewan Burkill, mereka dapati pintu banglo itu terbuka sedikit. Mereka mengintai ke dalam banglo tersebut dan ternampak bayangan gelap yang besar berterbangan di dalamnya.

"Apakah yang berterbangan itu? Kelawarkah?" fikir Faizal, Huiling dan Ravi.

Pelbagai kemungkinan yang timbul tetapi tiada satupun jawapan yang dapat diterima akal mereka.



"Mari kita siasat," ajak Ravi.

"Tidak. Di dalam kelihatan seram," jawab Huiling teragak-agak.

Faizal memujuk Huiling, "Jangan takut. Kami bersama kamu."

Faizal dan Ravi pun memasuki bangunan itu.

Dengan berhati-hati, Huiling pun mengikuti mereka.



"Di manakah benda itu?" bisik Ravi.

"Saya berasa sungguh takut. Bolehkah kita pulang sekarang? Ia sangat gelap di sini," rayu Huiling dalam ketakutan.

"Lihat! Lihat bayangan di dinding itu. ia semakin membesar!" kata Faizal sambil menunjuk ke arah bayangan itu.



"Raksasa! Raksasa!"

jerit Huiling dengan kuat kerana ketakutan sambil menutup matanya.

"Ia kini terbang dalam bulatan," kata Faizal sambil memerhatikannya.

"Ia bukan raksasa. Ia merupakan seekor burung hitam dan putih yang berparuh kuning."

"Tolong berhenti menjerit. Awak menakutkan burung itu," kata Ravi sambil cuba menenangkan Huiling. Huiling berhenti menjerit dan membuka matanya. "Berberhati-hati ya!" Malangnya, sudah terlambat.



Bang!

Burung yang malang itu telah terlanggar tembok lalu terjatuh ke lantai. Mulut budak-budak itu melopong. Ravi dan Faizal berlari ke arah burung itu dengan pantas. Huiling terpaku di situ dan tidak percaya apa yang telah berlaku.



"Oh tidak! Lihat darah di sayap burung itu," kata Ravi.

"Awak tidak apa-apa, wahai burung kecil?" tanya Faizal.

"Mari kita membawanya berjumpa doktor haiwan sekarang," cadang Ravi. Secara berhati-hati, Ravi meletakkan burung itu di telapak tangannya. "Kasihannya," kata Huiling dengan sayu.



Mereka berasa lega apabila doktor haiwan memeriksa burung kecil itu dan memberitahu bahawa ia hanya cedera ringan sahaja.

Burung itu akan mengambil masa selama seminggu untuk kembali pulih. Huiling menawarkan dirinya untuk membawa burung itu pulang dan menjaganya sehingga ia pulih.



Seminggu kemudian, burung itu pun pulih.

"Terima kasih kerana menjaga saya. Nama saya Billy," kata burung itu kepada Faizal, Huiling dan Ravi. Dengan perasaan terkejut, Faizal, Huiling dan Ravi berundur apabila mereka terdengar burung itu memperkenalkan dirinya.

"Mengapakah kamu semua terkejut? Saya tidak akan mencederakan kamu," kata Billy cuba meyakinkan mereka.

"Awak boleh berbual? Awak benar-benar boleh berbual?" tanya Huiling.

"Ya, saya boleh berbual. Boleh kita berkawan?" tanya Billy kepada mereka.

"Pastinya boleh," jawab Faizal, Huiling dan Ravi secara serentak.

Faizal, Huiling dan Ravi mula memperkenalkan diri mereka dan berbual tentang keluarga dan rakan-rakan mereka.

Tiba-tiba, Billy kelihatan hiba.



Ravi ternampak air mata bergenang di kelopak mata Billy.

"Kenapa awak kelihatan sedih?" tanya Ravi.

Billy menjawab dengan sayu, "Saya rindukan keluarga dan kawan-kawan saya. Saya mahu pulang ke rumah."

Huiling mengusap-usap Billy untuk menenangkannya dan berkata, "Jangan risau, kita akan satukan awak semula dengan keluarga awak secepat mungkin."

"Bagaimana kalau kami bawa awak ke Dewan Burkill sekarang?" tanya Faizal.

"Keluarga saya tinggal berdekatan dengan Dewan Holttum," jawab Billy.

"Kenapa awak berada di Dewan Burkill pada hari itu?" tanya Huiling kebingungan.




"Saya sedang bermain sembunyi-sembunyi bersama adik saya. Sebelum dia sempat cari saya, awak semua tiba di situ," jawab Billy sambil menangis teresak-esak mengenangkan apa yang berlaku.

"Jangan menangis! Kami akan membawa kamu ke dewan Holttum sekarang," kata Ravi



Billy dan kawan-kawannya memulakan perjalanan mereka ke Dewan Holttum. Mereka lalui banyak bangunan yang indah menawan. Mereka bergambar bersama Billy di Tasik Angsa yang terkenal. Tiba-tiba, Huiling memekik, "Di manakah Billy?!"

Mereka berhenti mengambil gambar dan memekik, "Billy! Billy! Di manakah kamu?"



<sup>1</sup>Swan Lake: The Swan Lake is home to numerous species of aquatic plants and fishes, and is named as such because of a pair of beautiful mute swans from Amsterdam that glided gracefully across the lake.

Source: <https://www.visitsingapore.com/see-do-singapore/nature-wildlife/parks-gardens/singapore-botanic-gardens/>

Ketika mereka mencari Billy, mereka melalui sebuah banglo bersimetri dengan anjung unik di mana mereka ternampak bulu burung yang serupa dengan bulu Billy di atas tanah.

"Lihat, mungkinkah ini bulu Billy?" tanya Ravi.

"Mungkinkah Billy berada di dalam bangunan ini?" usul Faizal.

"Dewan Holttum," kata Huiling sambil membaca papan tanda di dinding di tepi sebuah pintu.

"Pintu ini berkunci. Bagaimana kalau kita cuba masuk melalui pintu pagar yang terbuka di sana?" cadang Ravi.

Pintu pagar yang terbuka itu menghala ke laluan sebuah hutan yang tersembunyi. Mata Faizal, Huiling dan Ravi terbeliaik apabila mereka ternampak apa yang terdapat di hujung laluan hutan itu.



Cahaya terang menyedut mereka ke dalam dunia baharu.... banyak burung enggang berterbangan di tempat itu.

"Mungkin Billy juga ada di sini," fikir Huiling.

Terdapat banyak burung yang serupa berterbangan di situ dan hilang harapan mereka untuk mencari Billy.

"Saya harap Billy selamat dan sudah bersatu dengan keluarganya," kata Huiling.

Ketika Huiling dan rakan-rakannya ingin beredar dari situ, Billy memekik, "Saya di sini! Ini keluarga saya!"

Mereka berpaling ke arah bunyi itu dan ternampak Billy dan keluarganya.

"Saya Billie, kakak Billy. Terima kasih kerana telah menjaganya dengan baik," kata Billie.

Mereka seronok berbual berbual bersama satu sama lain.

"Encik Ridley sudah tiba!" kata bapa Billy.





"Helo. Nampaknya kita ada tetamu," kata Encik Ridley. Billy menjelaskan kepada Encik Ridley tentang kejadian malang yang menimpanya dan bagaimana Huiling, Ravi dan Faizal telah menjaganya. Encik Ridley mengucapkan terima kasih kepada mereka.

"Saya Pengarah Taman Botani Singapura dan ini haiwan peliharaan saya, seekor tapir. Saya sedang membuat kajian dan ingin mendapatkan pertolongan burung-burung enggang ini untuk memetik buah-buahan yang tergantung di pokok-pokok getah yang tinggi di hutan ini," kata Encik Ridley, memperkenalkan dirinya.

Encik Ridley menghadiahikan burung-burung enggang itu dengan buah-buahan kegemaran mereka untuk setiap buah dari pokok getah yang dipetik.

Ketiga-tiga budak itu baru menyedari bahawa mereka telah melalui satu rentasan masa kerana kajian mereka memang menyatakan bahawa Encik Ridley merupakan Pengarah Taman Botani Singapura pada tahun 1888-1912.

"Encik Ridley, apa kata kita hantar budak-budak ini kembali ke tahun 2019. Kita boleh adakan persembahan khas di Pentas Acara sebagai tanda terima kasih kita kepada mereka kerana menjaga Billy dengan baik," kata bapa Billy.

<sup>2</sup>pick the high hanging fruits: In nature, rubber fruit splits open when ripe and the seeds fall onto the ground

Pentas Acara merupakan kawasan datar yang terletak di atas bukit kecil yang mempunyai ketinggian 33 meter atas paras laut. Terdapat sebuah gazebo berdinding lapan yang dibina pada tahun 1930an. Ia dikelilingi dengan pokok hujan-hujan yang berdaun kuning.

Dengan bertenggek di bumbung dan setiap sudut gazebo, setiap burung enggang sedang memegang sebuah instrumen muzik.

Billy menghayunkan sebatang baton dan Kugiran Enggang itu pun mula memainkan muzik.

"God save our gracious Queen..... God save the Queen!"

Faizal, Huiling dan Ravi kagum menonton persembahan oleh Kugiran Enggang. Persembahan itu menarik minat ramai penonton. Selepas persembahan itu, penonton memberikan tepukan gemuruh. Faizal, Huiling dan Ravi memetik banyak gambar bersama burung-burung enggang dan Encik Ridley.



<sup>3</sup>"God save our gracious Queen...God save the Queen!": Lyrics of the British national anthem 'God save the Queen'. Singapore was a British Crown colony from 1946 to 1963.

## Singapore Botanic Gardens and the Rubber Industry

(reference: <https://www.nparks.gov.sg/sbg/about/our-history/1888-ridley-and-the-malayan-rubber-industry-from-1896>; <http://eresources.nlb.gov.sg/history/events/a8ceea4c-1c8b-4c9a-885c-b85038b39e4c>; The 'mad' man and his rubber seeds..The Straits Times, 9 April 1973,

Page 20

By 1920, Malaya was producing over half of the world's rubber. How did this happen?

This goes back to the year 1877 when 22 rubber seedlings from the Kew Gardens in England were sent to the Singapore Botanic Gardens. Out of the 22 seedlings, 11 were sown in the Botanic Gardens of Singapore.

The rubber industry grew out of these trees propagated in Singapore Botanic Gardens. From 1870s to 1890s, experiments were carried out to make rubber planting commercially viable. The Gardens' first scientific Director, Sir Henry Nicholas Ridley researched on the most suitable place for planting, the ideal density per acre, the best method of raising seedlings, the most effective processing techniques, and the best means of packing and shipping processed rubber. Mr Ridley also invented the herring-bone method of rubber tapping technique that resulted in maximising the quantities of latex without harming the tree.

By 1890s, Mr Ridley was walking around with bags of rubber seeds persuading coffee planters to switch to rubber cultivation. Often, he also visited Straits Settlements plantation owners with his jacket pockets filled with rubber seeds from the 1000 mature trees growing in the gardens. By 1912, when Ridley retired, nearly 600,000 acres of land were planted with rubber.



Sir Henry Nicholas Ridley with an original para rubber tree in the Economic Garden.

Courtesy of Singapore Botanic Gardens Archives, National Parks Board

# Interesting Architecture Facts

Holttum Hall



Holttum Hall was formerly used as an office and orchid breeding laboratory by the Director of Singapore Botanic Gardens, Eric Holttum, during his tenure (1925–1949). It is a symmetrical building with a unique porch that is sometimes seen at the entrance of English church compounds. It has roof vents and louvred vents over the windows to cope with the topical climate. Holttum Hall houses the Singapore Botanic Gardens Heritage Museum, which opened in December 2013.

The Garage



The Garage (completed between 1924 and 1928) at Singapore Botanic Gardens used to house cars of professors in the Horticulture Department. It is built in a distinctly Art Deco style. Today, this colonial building houses two Food & Beverage establishments.

E J H Corner House



The Corner House is a two-storey black and white bungalow built in 1910 to house officials and administrators during the colonial period. It was named after Eldred John Henry Corner, the Assistant Director of the Gardens from 1929 to 1942. Today, the Corner House is a Michelin star restaurant.

Burkill Hall



Burkill Hall was built in 1886. It served as the residence of the Gardens' superintendents and directors for more than a hundred years. It was named in honour of the Gardens' two former Directors, Isaac Henry Burkill, and his son Humphrey Morrison Burkill. It is the last known surviving two-storey Anglo-Malay plantation style bungalow. Today, it is used to exhibit VIP orchids.

Ridley Hall



Ridley Hall was built in 1881. It is named in honour of Sir Henry Nicholas Ridley, the first Director of the Singapore Botanic Gardens from 1888 to 1912. It was first used to house the Gardens' Herbarium and Library's collections. It later became Mr Ridley's office. It is a one-storey building with generous overhanging roof eaves to protect the walls and interiors from the tropical sun and rain.

The Bandstand



The Bandstand refers to the small hill where the octagonal gazebo, built in 1930, sits on. In the olden days, bands used to play at the bandstand twice a week to entertain people. Today, it is a favourite place for people to take their wedding photos.

This story is written by a group of 4 nine-year-old students as part of their submission for their Inter-disciplinary Project Work to promote Singapore Botanic Gardens. While the events and characters in this story are fictitious, these writers have tapped on their learning experiences at Singapore Botanic Gardens and worked together to bring you "Amazing Encounters". An eleven-year-old student in the school did the illustrations under the guidance of his mother.

Supported by :



URBAN  
REDEVELOPMENT  
AUTHORITY



Copyright © 2019 by Xingnan Primary School

All rights reserved. This book or any portion thereof may not be reproduced or used in any manner whatsoever without the express written permission of Xingnan Primary School except for the use of brief quotations in a book review. The views expressed here are solely those of the authors in their private capacity and do not in any way represent the views of any government agencies.

Printed in Singapore

